

Perkasa peranan belia bukan Melayu

Sumbangan golongan belia bukan Melayu dalam aspek pembangunan modal insan wajar diberi lebih tumpuan dan penekanan dalam memenuhi agenda pembinaan negara bangsa.

EKSTRA

Prof. Madya
Dr. Sarjit
Singh Gill

- Berumur 43 tahun
- Berasal dari Kuala Lumpur
- Memiliki Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Antropologi dan Sosiologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
- Setiausaha Kluster Perpaduan Nasional, Majlis Profesor Negara
- Ahli Panel Penasihat Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
- Pernah menjawat jawatan Ketua Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM Serdang, Selangor dari tahun 2009 hingga 2012

BERDASARKAN statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2014, kira-kira 13.9 juta atau 45.9 peratus daripada jumlah populasi penduduk di negara ini ditakrifkan sebagai golongan belia.

Sebagai pelapis dan kesinambungan kepimpinan negara pada masa akan datang, konsep pembangunan modal insan sangat perlu diberi perhatian secara holistik dalam pembangunan untuk golongan berkenaan.


Hidup dalam negara berbilang kaum, golongan belia bukan Melayu meliputi masyarakat India, Cina dan etnik minoriti lain pada hari ini tidak terkecuali daripada menjadi aset penting yang diperlukan oleh negara terutamanya dalam menghadapi persaingan ekonomi global.

Bagaimanapun, mereka juga tidak terlepas daripada dibelenggu pelbagai isu serta cabaran yang boleh menggagalkan usaha melahirkan modal insan berkualiti serta berkemahiran tinggi dalam memenuhi aspirasi negara.

Ikuti kupasan isu tersebut bersama wartawan *Kosmo! Ahad*, NOR IDAYU BOSRO menerusi temu bual bersama Pakar Rujuk Dasar Belia Malaysia yang juga Ketua Kluster Keharmonian Sosial Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Prof. Madya Dr. Sarjit Singh Gill di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor bagi memahami permasalahan dan cabaran yang dihadapi golongan belia bukan Melayu di Malaysia pada hari ini.

Kosmo! Ahad: Boleh profesor madya terangkan serba sedikit mengenai demografi masyarakat India dan Cina di Malaysia buat masa ini.

SARJIT SINGH: Dalam kalangan rakyat Malaysia, komposisi etnik Bumiputera merekodkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 68.6 peratus. Ini diikuti masyarakat Cina dengan 23.4 peratus atau kira-kira 6.5 juta daripada keseluruhan 31.7 juta orang. Sementara itu, masyarakat India di negara ini membentuk 2.2 juta atau tujuh peratus daripada populasi penduduk Malaysia. Majoriti daripadanya iaitu kira-kira 80 peratus adalah Tamil, manakala



SARJIT menyifatkan golongan belia bukan Melayu perlu didekati dan diberi peluang untuk menonjolkan bakat serta kemahiran mereka.

lebihnya terdiri daripada Telugu, Malayali, Punjabi, Gujerat, Chetti dan Sindhi.

Apakah masalah dan cabaran yang dihadapi golongan belia bukan Melayu di Malaysia pada hari ini?

Secara amnya, golongan belia bukan Melayu juga tidak terlepas daripada berhadapan dengan isu dari segi sosial, ekonomi dan politik. Isu sosial yang dimaksudkan meliputi masalah keluarga, aspek pendidikan, keagamaan, kesepaduan dan keselamatan. Dari sudut ekonomi, mereka antara lain berdepan dengan masalah kekurangan peluang pekerjaan, kemiskinan bandar serta peluang perniagaan, manakala isu kepimpinan dan pemikiran termasuk dalam cabaran daripada aspek politik.

Mengambil satu contoh cabaran sosial, kebanyakan remaja India khususnya daripada latar belakang isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) misalnya sering dikaitkan dengan keluarga disfungsi seperti ketagihan alkohol dan tekanan berkaitan keluarga termasuk keganasan rumah tangga, perceraian, bunuh diri, jenayah serta gangsterisme.


Dalam aspek pendidikan pula, rata-rata golongan belia India berasaskan mereka tidak berupaya bersaing dengan bangsa lain memandangkan banyak sumber tidak dilanjutkan secukupnya ke sekolah-sekolah Tamil selain kekurangan peluang pendidikan dan latihan di peringkat pasca menengah. Memasuki alam pekerjaan, mereka berasaskan seolah-olah didiskriminasi dalam peluang pekerjaan di sektor awam termasuk peluang dinaikkan pangkat.

Hal ini berbeza dengan golongan belia Cina yang dilihat terpaksa berdepan dengan tekanan hebat daripada semangat persaingan untuk menjadi terbaik dalam segala aspek yang diceburi terutamanya dalam bidang pendidikan.


Bagaimana cabaran tersebut memberi impak kepada golongan belia bukan Melayu ini?

Saya melihat terdapat isu *mindset* yang membuatkan segelintir golongan belia ini khususnya remaja India mempunyai mentaliti seolah-olah diri mereka menjadi mangsa keadaan (*victim mentality*). Mentaliti itu membuatkan kebanyakan golongan berkenaan suka meletakkan kesalahan atas bahu orang lain berhubung keadaan hidup mereka.

Sedar tidak sedar, hal ini boleh



BELIA bukan Melayu turut menjadi aset penting negara dalam aspek pembangunan modal insan bagi memenuhi aspirasi pembinaan negara.



UJAR Sarjit, golongan belia bukan Melayu pada hari ini tidak terkecuali daripada berdepan cabaran dalam aspek sosial, ekonomi dan politik.

mencetuskan sikap prejudis dan diskriminasi selain membuatkan mereka tidak gemar bergaul dengan bangsa lain. Di sini timbul pula persepsi masyarakat di mana golongan belia bukan Melayu kononnya dianggap bersifat perkauman dan kurang patriotik.

Baik belia India mahupun Cina, kedua-duanya tidak terlepas daripada dilabelkan oleh sesetengah masyarakat dengan gelaran tertentu. Ini juga adalah salah satu masalah yang perlu dihadapi mereka sehingga ke hari ini. Perkara ini tidak sihat dan sekiranya ia terus dibiarkan tanpa sebarang tindakan, objektif negara untuk melahirkan modal insan berkualiti serta memiliki nilai-nilai rohaniah positif akan menemui jalan buntu.

Apakah antara pendekatan yang boleh diambil dalam menyemai persefahaman antara kaum ini?

Usaha memahami latar belakang, tradisi dan budaya antara kaum secara holistik mampu mengelak sebarang persepsi negatif setiap anggota masyarakat. Kefahaman masyarakat mengenai istilah perpaduan dan kesepaduan harus diperdalamkan lagi dalam usaha mengatasi masalah belia di negara ini. Saya berpendapat langkah berkenaan sekali gus menolak sikap skeptikal segelintir masyarakat yang cenderung melabelkan mana-mana kaum dengan gelaran tidak sepatutnya.

Merujuk kepada cabaran dan isu yang dihadapi, apa yang boleh dilakukan agar masalah yang didepani golongan tersebut dapat diatasi?

Golongan belia bukan Melayu perlu didekati dengan memberikan ruang dan peluang kepada organisasi bukan kerajaan (NGO) untuk sama-sama membantu mereka. Mereka juga perlu menerima sokongan secara berterusan daripada pelbagai golongan berkepentingan bagi memastikan kelangsungan pembangunan modal insan ini.

Jangan lupa bahawa, golongan ini juga mempunyai peranan untuk memberi sumbangan dalam pelbagai aspek ekonomi, sosial dan politik bagi memenuhi agenda pembinaan negara bangsa.

Sebagai ahli akademik, saya suka melihatkan pembabitan belia dalam aktiviti perkongsian idea sebegini dan saya harap program pengurusan bakat dan

kepimpinan seperti bengkel, seminar, dialog dan wacana dapat ditambah dan dipergiat dari semasa ke semasa.

Sokongan padu universiti juga mampu memberikan semangat kepada belia Malaysia untuk menzahirkan masalah mereka dengan menerima pelbagai perspektif daripada ahli akademik. Saya percaya dengan penglibatan berterusan sebegini adalah salah satu cara untuk menggerakkan komuniti ke arah pembangunan lebih sihat.

Apakah yang boleh dilaksanakan kerajaan sebagai inisiatif dalam membantu golongan belia bukan Melayu ini?

Sebenarnya kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam membantu golongan belia bukan Melayu. Dalam pemerhatian saya, bagi golongan belia India contohnya, Sekretariat untuk Pemerkasaan Usahawan India (SEED) dan Unit Khas untuk Pembangunan Sosisia-Ekonomi Komuniti India (SEDIC) telah banyak membantu dengan membabitkan diri secara aktif bersama masyarakat India di negara ini.

Biarpun kerajaan telah tubuhkan unit tersebut di bawah Jabatan Perdana Menteri, saya fikir perkara ini perlu selalu dimaklumkan kepada masyarakat supaya golongan belia ini boleh mendekati keempat-empat agensi itu bila-bila masa kerana kebanyakan NGO belia India ini masih belum diberi sokongan yang padu oleh semua pihak.

Akhir sekali, bagaimana usaha itu dapat diperkasa dan ditambah baik untuk memastikan kelangsungan golongan ini pada masa akan datang?

Kita memerlukan pangkalan data yang lengkap dan komprehensif mengenai masyarakat India serta Cina di negara ini dan saya berpendapat, Kementerian Belia dan Sukan wajar mengambil peranan dalam hal ini supaya usaha untuk mewujudkan pangkalan data berkenaan dapat memahami status semasa masyarakat tersebut.

Saya turut berpendapat kerajaan wajar mewujudkan Kementerian Hal Ehwal Minoriti bagi menyelesaikan isu serta masalah melibatkan masyarakat kaum minoriti seperti India, Cina, Orang Asli serta etnik-etnik lain di Sabah serta Sarawak. Bagi saya, langkah ini penting bagi menyusun dan merencanakan satu sistem yang lebih berstruktur melibatkan masyarakat berkenaan.